



31 Disember 2012
31 December 2012
P.U. (A) 491

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI EKSPORT) 2012

CUSTOMS (PROHIBITION OF EXPORTS) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI EKSPORT) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2013.

Jadual Pertama

Larangan Mutlak

2. (1) Pengeksportan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama ke destinasi yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual dilarang dengan mutlaknya.

(2) Subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi barang-barang dalam transit.

Jadual Kedua

Larangan bersyarat kecuali di bawah Lesen Eksport

3. Pengeksportan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Jadual Kedua dilarang, kecuali di bawah Lesen Eksport—

(a) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam; atau

(b) yang dikeluarkan oleh pegawai kastam yang sepatutnya yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kastam untuk bertindak bagi pihaknya di Kementerian, Jabatan atau Badan Berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual; atau

- (c) yang dikeluarkan oleh Kementerian, Jabatan atau Badan Berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual,

dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen.

Bahagian I Jadual Ketiga

Larangan bersyarat kecuali dengan cara yang diperuntukkan

4. Pengeksportan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Jadual Ketiga dilarang kecuali dengan cara yang diperuntukkan dalam ruang (5) Jadual.

Bahagian II Jadual Ketiga

Larangan bersyarat kecuali dengan cara yang diperuntukkan bagi barang-barang yang dikawal di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesis Terancam 2008 [Akta 686]

5. (1) Pengeksportan dan pengeksportan semula barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian II Jadual Ketiga dilarang kecuali dengan cara yang diperuntukkan dalam ruang (5) Jadual.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), pengeksportan semula mempunyai maksud yang sama sebagaimana dalam seksyen 3 Akta.

- (3) Subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi barang-barang dalam transit.

Penjenisan

6. Bab, kepala atau subkepala di bawah Perintah Duti Kastam yang berkuat kuasa bagi butiran dalam Jadual Kedua dan Ketiga adalah bagi kemudahan rujukan sahaja dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (2) Jadual Kedua dan Ketiga itu.

Masa apabila lesen atau dokumen lain hendaklah dikemukakan

7. Lesen Eksport yang dikeluarkan dan apa-apa dokumen lain yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah Perintah ini hendaklah dikemukakan pada masa pengeksportan.

Pengecualian

8. Perenggan 3 dan 4 tidak terpakai bagi—

- (a) barang-barang yang dieksport oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana negeri;
- (b) barang-barang yang dimuatkan sebagai barang-barang stor pesawat udara atau kapal biasa sebagaimana yang diluluskan oleh pegawai kastam yang sepatutnya;
- (c) barang kegunaan sendiri atau barang-barang keperluan seorang pengembara *bona fide* kecuali bagi tumbuh-tumbuhan dan barang-barang yang dinyatakan dalam butiran 28, subbutiran 37(2) dan 37(3) Bahagian I Jadual Ketiga;
- (d) sampel dagangan *bona fide* apa-apa barang yang diterima sebagai demikian oleh pegawai kastam yang sepatutnya kecuali bagi tumbuh-tumbuhan;
- (e) barang-barang dalam transit;
- (f) barang-barang yang dieksport untuk diperbaiki, diselaraskan atau digantikan yang akan dikembalikan ke Malaysia;
- (g) hadiah dalam bentuk barangan makanan yang dieksport melalui bungkusan pos, yang nilainya tidak melebihi RM200.00 bagi setiap bungkusan, kecuali bagi *edible birds' nest* yang dinyatakan dalam butiran 7 Bahagian I Jadual Ketiga; dan
- (h) barang-barang yang dieksport untuk pameran atau ujian kecuali bagi tumbuh-tumbuhan.

Kecualian peruntukan undang-undang lain

9. Pengeluaran lesen atau permit di bawah Perintah ini hendaklah dibuat tanpa menjejaskan peruntukan mana-mana undang-undang yang pada masa ini memperuntukkan kawalan dan peraturan mata wang dan pertukaran, atau mana-mana undang-undang lain yang pada masa ini memperuntukkan kawalan atau peraturan pengeksporan barang-barang.

Pindaan dan pembatalan lesen

10. Ketua Pengarah Kastam boleh membatalkan atau meminda menurut budi bicara mutlakanya mana-mana Lesen Eksport yang dikeluarkan di bawah Perintah ini pada bila-bila masa sebelum barang-barang yang dimaksudkan oleh lesen itu dieksport.

Pembatalan

11. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2008 [*P.U. (A) 87/2008*] dibatalkan.

Kecualian

12. Suatu Lesen Eksport tertentu yang dikeluarkan atau yang berkuat kuasa di bawah Perintah yang dinyatakan dalam perenggan 11 yang berkuat kuasa sebaik sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa hendaklah berkuat kuasa mengikut cara seolah-olah Lesen Eksport itu telah dikeluarkan di bawah peruntukan yang bersamaan dengan Perintah ini.